



## Metodologi memahami hadis melalui pembacaan komprehensif terhadap keseluruhan riwayat

*[The methodology of understanding hadiths through a comprehensive reading of the narrations]*

**Muhamad Rozaimi Ramle\* & Wahyu Hidayat Abdullah**

Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

\* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Muhamad Rozaimi Ramle. Department of Islamic Studies, Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia E-mail: [rozaimi@fsk.upsi.edu.my](mailto:rozaimi@fsk.upsi.edu.my), Phone Number: +60134884863. ORCID ID: <https://orcid.org/0000-0003-3507-0773>.

---

### **Keywords:**

*Methodology,  
Understanding, Hadith,  
Narration, Comprehensive*

---

### **ABSTRACT**

*The purpose of learning hadiths is to ensure a correct understanding of them. Hadith scholars of the past had emphasised the importance of understanding hadiths correctly to avoid misconceptions and unresolved contradictions between the texts. Comparative analysis is helpful in this pursuit because a particular hadith must be understood holistically in light of other relevant hadiths on the same subject matter. Apart from critical assessments on disagreements among hadith scholars on specific issues, this article relies on inductive and deductive methodologies to establish the comparative method's discipline and its benefits. This article concludes that there are seven benefits of applying the comparative method, including understanding the objectives of Islamic laws prescription and differentiating varying stories on a particular incident of the Sirah. It also outlines a priori three main guiding principles to apply this method: knowledge of the status of a hadith, the need to harmonise the texts before criticism, and prioritising authentic hadiths of higher-ranking if the harmonisation process cannot be done.*

---

### **Kata Kunci:**

*Metodologi, Memahami,  
Hadis, Riwayat,  
Komprehensif*

---

### **ABSTRAK**

Tujuan mempelajari hadis ialah untuk memahaminya dengan pemahaman yang betul. Para ulama silam menekankan kepentingan memahami teks hadis dengan betul untuk menghilangkan kekeliruan dan mengelakkan percanggahan antara hadis. Di antara kaedah memahami teks hadis yang digariskan oleh ulama hadis ialah memahami hadis berdasarkan hadis lain. Dengan kata lain, sesebuah hadis mesti difahami secara holistik dengan melihat hadis lain dalam bab yang sama. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan memahami hadis berdasarkan hadis lain dan disiplin menggunakan kaedah ini. Metodologi induktif dan deduktif digunakan dalam artikel ini untuk merumuskan faedah dan disiplin ketika mengaplikasikan kaedah ini. Selain itu, metodologi kritis juga digunakan untuk menilai pandangan ulama hadis jika berlaku perbezaan pandangan dalam isu tertentu. Artikel ini merumuskan terdapat 7 faedah yang terhasil apabila mempraktikkan kaedah ini

antaranya ialah mengetahui objektif pensyariatian hukum dan membezakan kisah yang berbeza dalam peristiwa sirah. Artikel ini juga menggariskan tiga disiplin utama untuk mengaplikasikan kaedah ini iaitu mengetahui status hadis dalam sesebuah bab, mengharmonikan hadis sebelum melakukan tarjihan dan mengutamakan hadis yang lebih sahih jika proses pengharmonian tidak dapat dilakukan.

Received: November 15, 2020

Accepted: December 07, 2021

Online Published: December 20, 2021

#### How to Cite:

Ramle, M. R. & Abdullah, W. H. (2021). Metodologi memahami hadis melalui pembacaan komprehensif terhadap keseluruhan riwayat [The methodology of understanding hadiths through a comprehensive reading of the narrations]. *HADIS*, 11(22), 802-816. <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.133>

## 1. Pendahuluan

Hadis Nabawi adalah semua perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada melalui percakapan, atau perbuatan atau taqrīr ataupun sifat *khuluqiyah* (akhlak) dan sifat *khilqiyah* (fizikal) ('Ajjāj, 1980). Kesahihan sesebuah riwayat tidak semestinya menjamin pemahaman yang benar bagi hadis (Younes, Ramle, Nasir, Mohamed Ramli, & Wazir, 2020). Oleh kerana itu, ulama merumuskan kaedah memahami hadis. Antara kaedah tersebut ialah meneliti riwayat hadis yang pelbagai untuk merumuskan pemahaman yang tepat bagi sesebuah hadis. Apabila sesebuah hadis itu dikeluarkan daripada suatu sumber, nescaya ia perlu difahami melalui keseluruhan hadis yang berkaitan dan bukannya hanya berpada kepada satu hadis sahaja. Secara umumnya, hadis-hadis Nabawi menerangkan dan menjelaskan antara satu sama lain, bahkan apabila sesuatu hukum itu tidak dijelaskan secara terperinci dalam hadis tertentu, maka hadis yang lain akan menjelaskannya. Justeru itu, menjadi suatu keperluan untuk menggumpalkan keseluruhan hadis yang berkaitan dengan sesuatu topik agar dapat difahami keseluruhan hadis tersebut dengan kefahaman yang jitu dan tepat. Malah, memahami sesebuah hadis tanpa penelitian terhadap hadis-hadis yang lain dalam sesuatu perkara kemungkinan menjadi penyebab kepada kesalahan dalam memahami hadis. Jika pemahaman kepada ayat-ayat al-Quran memerlukan kepada perincian hadis, maka memahami hadis berdasarkan riwayat hadis yang lain adalah lebih utama untuk dititikberatkan (al-Qaraḍāwī, 2002). Adakalanya dalam keadaan tertentu, seseorang yang ingin memahami sesebuah hadis perlu juga meneliti hadis yang membicarakan topik lain bagi mendapatkan kefahaman yang tepat terhadap hadis tersebut.

## 2. Faedah Memahami Hadis Berdasarkan Hadis Yang Lain

Terdapat beberapa faedah penting ketika seseorang mempraktikkan kaedah memahami hadis berdasarkan hadis yang lain. Antara faedah bagi kaedah ini adalah seperti berikut:

### 2.1 Memahami Makna Khusus Daripada Lafaz Hadis Yang Umum

Al-Rāzī (1997) menegaskan bahawa lafaz 'ām pada dalil syarak merangkumi makna yang menyeluruh. Tetapi adakalanya lafaz umum ini dikhususkan oleh dalil sama ada daripada al-Quran atau Sunnah. (Ibn Qudāmah, 2002). Oleh itu, sesuatu lafaz dalam sesebuah hadis yang datang dalam bentuk umum membawa makna menyeluruh. Namun, apabila diteliti terhadap hadis lain yang membicarakan topik yang sama, ia menjelaskan bahawa hadis umum tersebut telah dikhususkan dan tidak boleh difahami secara umum. Antara contoh yang menjelaskan perihal ini ialah hadis berikut:

### 2.1.1 Hadis tangisan terhadap kematian seseorang

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله ﷺ مر بنساء عبد الأشهل يبكين هلکاهن يوم أحد، فقال رسول الله ﷺ: «لكن حمزة لا بواکي له»، فجاء نساء الأنصار يبكين حمزة. فاستيقظ رسول الله ﷺ، فقال: «ويجهن ما اتقلبن بعد؟ مروهن فليقلبن ولا يبكين علی هالك بعد اليوم»

[Ibn Mājah, *Kitāb al-Janāiz, Bāb Mā Jāa Fī al-Bukā' 'Alā al-Mayyit*, no. hadis: 1591 dengan sanad sahih]

Maksudnya:

“Daripada Ibn ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW pernah berjalan melewati isteri-isteri ‘Abd al-Ashhal ketika mereka menangisi suami mereka yang telah gugur dalam peperangan Uhud. Kemudian Nabi SAW telah bersabda: “Hamzah tidak ada seorang pun yang menangisi terhadapnya.” Lantas, datanglah wanita-wanita Anshār menangisi ke atas Hamzah sehinggakan Rasulullah SAW terbangun, lalu Baginda SAW telah bersabda: “Celakalah mereka, sesungguhnya mereka tidak kembali lagi? Perintahkanlah agar wanita-wanita itu kembali dan jangan menangisi terhadap orang yang sudah meninggal dunia semenjak hari ini”.

Secara zahirnya, hadis ini menerangkan tentang larangan tangisan terhadap mayat secara mutlak (al-Shawkānī, 2004). Ia merangkumi semua tangisan sama ada diikuti dengan ratapan atau pun tidak. Namun, hadis ini telah dikhususkan dengan hadis berikut:

عن أنس بن مالك قال: دخلنا مع رسول الله ﷺ على أبي سيف القين وكان ظئرا لإبراهيم، فأخذ رسول الله ﷺ إبراهيم فقبله وشمه، ثم دخلنا عليه بعد ذلك وإبراهيم يجود بنفسه فجعلت عينا رسول الله ﷺ تدرقان، فقال له عبد الرحمن بن عوف: وأنت يا رسول الله؟ فقال: «يا ابن عوف إنها رحمة». ثم أتبعها بأخرى، فقال: «إن العين تدمع والقلب يحزن، ولا نقول إلا ما يرضي ربنا، وإنا بفراقك يا إبراهيم لمحزونون»

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Janā'iz, Bāb Qawl al-Nabī: Innā Bika Lamahzūnūn*, no. hadis: 1241]

Maksudnya:

Daripada Anas bin Mālik RA telah berkata: “Kami bersama-sama Rasulullah SAW telah menziarahi Abū Sayf al-Qayn yang mana isterinya telah memelihara dan menyusukan Ibrāhīm (merupakan anak Rasulullah SAW). Lalu Rasulullah SAW mengambil Ibrāhīm dan menciumnya. Kemudian setelah itu, kami mengunjungi mereka semula namun ketika itu Ibrāhīm telah meninggal dunia. Hal ini menyebabkan kedua-dua mata Rasulullah SAW berlinang dengan air mata. Lalu ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Auf telah berkata kepada Baginda SAW: “Dan engkau menangis wahai Rasulullah?”. Baginda SAW menjawab: “Wahai ibn ‘Auf, sesungguhnya tangisan ini adalah tangisan rahmat (kasih sayang).” Kemudian Baginda SAW telah bersabda: “Sesungguhnya mata itu boleh melinangkan air mata, hati boleh bersedih, dan kita tidak menyebutkan sesuatu kecuali apa yang direndhai oleh Tuhan kita. Dan kami pastilah bersedih dengan perpisahan ini wahai Ibrāhīm”.

Ibn Baṭṭāl (2008) menegaskan bahawa kedua-dua hadis ini jelas menunjukkan bahawa larangan yang terdapat dalam hadis yang pertama itu bukanlah larangan tangisan secara umum. Namun, larangan yang dimaksudkan itu ialah larangan terhadap tangisan yang khusus. Ibn Baṭṭāl (ibid.) memberi komentar terhadap hadis riwayat Anas dengan menyatakan bahawa:

هذا البكاء تفسير البكاء المباح والحزن الجائز، وذلك ما كان بدمع العين ورقة النفس ولم يكن تسخطا لأمر الله، إذ الفطر مجبولة على الحزن، وقد قال الحسن البصري: "العين لا يملكها أحد [بإبابة المرء بأخيه.

Maksudnya:

“Tangisan ini adalah tafsiran kepada tangisan yang diharuskan dan kesedihan yang dibenarkan, dan itulah dengan linangan air mata dan jiwa yang lembut dan ia tidak merupakan kemarahan kepada perintah Allah

'Azza Wa Jalla (takdir). Hal ini kerana fitrah terikat dengan kesedihan. Ḥasan al-Baṣrī telah berkata: "Mata itu tidak dimiliki oleh seseorang apabila ia mengalir ke atas saudaranya".

Antara contoh yang lain bagi kaedah ini ialah hadis berkenaan mengumumkan kematian. Hadis yang menceritakan hal tersebut adalah seperti berikut:

عن حذيفة: "إذا مت فلا تؤذنوا بي أحداً إني أخاف أن يكون نعيًا، إني سمعت رسول الله ﷺ ينهى عن النعي".

[al-Tirmidhī, *Kitāb al-Janā'iz*, *Bāb Karāhiyat al-Na'y*, no. hadis: 986. Hadis *ḥasan ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

"Daripada Ḥuzayfah ibn al-Yamān berkata: "Jika aku meninggal dunia, janganlah kalian mengumumkan kematianku, hal ini kerana aku takut termasuk daripada al-na'yu (mengumumkan kematian seseorang). Aku mendengar Rasulullah SAW melarang akan al-na'yu".

عن أبي هريرة: "أن رسول الله ﷺ نعى النجاشي في اليوم الذي مات فيه، خرج إلى المصلى فصف بهم وكبر أربعاً".

[al-Bukhārī, *al-Janā'iz*, *Bāb al-Rajul Yan'ā Ilā Ahl al-Mayyit Binafsih*, no. hadis: 1188]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurayrah RA: "Sesungguhnya Rasulullah SAW mengumumkan kematian al-Najāshī pada hari kematiannya, kemudian Baginda SAW keluar menuju tempat solat, dan membariskan saf kemudian bertakbir sebanyak 4 kali".

Pada hakikatnya, jika seseorang menghadkan penelitiannya terhadap hadis pertama sahaja, ia akan membawa kepada kefahaman yang tidak tepat dalam perkara ini. Hal ini disebabkan larangan tentang mengumumkan kematian seseorang yang terdapat dalam hadis pertama itu bukanlah larangan secara umum yang merangkumi semua pengumuman kematian. Namun, larangan tersebut sebenarnya merujuk kepada *al-Na'yu* pada zaman jahiliah yang diiringi dengan ratapan, jeritan dan tangisan (al-Qurṭubī, 1996). Manakala, *al-Na'yu* yang biasa untuk memberitahu tentang khabar kematian seseorang Muslim bagi menguruskan hal berkaitan mandi, kafan, solat, dan disemadikan dikecualikan daripada larangan yang umum tersebut. Al-Shawkānī (2004) berkata:

"فالْحَالُ أَنَّ إِعْلَامَ الْوَفَاةِ لِلْغُسْلِ وَالتَّكْفِينِ وَالصَّلَاةِ وَالْحَمَلِ وَالِدْفِنِ مَخْصُوصٌ مِنْ عَمُومِ النَّهْيِ، لِأَنَّ إِعْلَامَ مَنْ لَا تَتِمُّ هَذِهِ الْأُمُورُ إِلَّا بِهِ مِمَّا وَقَعَ الْإِجْمَاعُ عَلَى فِعْلِهِ فِي زَمَنِ النَّبُوَّةِ وَمَا بَعْدَهُ، وَمَا جَاوَزَ هَذَا الْمَقْدَارَ فَهُوَ دَاخِلٌ تَحْتَ عَمُومِ النَّهْيِ".

Maksudnya:

"Hasilnya pengkhabaran tentang kematian seseorang muslim itu untuk tujuan pengurusan jenazah seperti mandi, kafan, solat, mengusung jenazah dan pengkebumian dikecualikan daripada larangan yang umum tersebut. Hal ini kerana, sekiranya pengkhabaran seseorang yang tidak lengkap padanya melainkan dengannya yang merupakan perkara ijmak tentang berlakunya ia pada zaman kenabian dan selepasnya. Manakala perkara yang melebihi kadar (pengumuman) itu, maka ia termasuk dalam larangan yang umum."

## 2.2 Memahami Makna Muqayyad Daripada Hadis Yang Mutlak

Adakalanya sebahagian lafaz hadis disebutkan dengan lafaz yang berbentuk mutlak dan terdapat hadis yang lain pula disebutkan dalam bentuk lafaz *muqayyad* bagi menjelaskan lafaz mutlak tersebut (al-Shawkānī, 1999). Justeru itu, penelitian terhadap hadis yang pelbagai perlu dilakukan bagi mendapatkan kefahaman yang tepat terhadap sesebuah hadis. Antara contohnya ialah:

### 2.2.1 Hadis larangan *isbāl*

Terdapat hadis yang melarang perbuatan *isbāl* terhadap orang lelaki. *Isbāl* dalam Bahasa Arab bermaksud melabuhkan pakaian ke bawah buku lali (al-‘Azīm Ābādī, 2004). Hadis-hadis berikut adalah:

عن أبي ذر عن النبي ﷺ أنه قال: «ثلاثة لا يكلمهم الله ولا ينظر إليهم يوم القيامة ولا يزكيهم ولهم عذاب أليم». قلت: «من هم يا رسول الله؟ قد خابوا وخسروا أعادها ثلاثاً». قلت: «من هم يا رسول الله؟ خابوا وخسروا»، فقال: «المسبل والمنان والمنفق سلعته بالحلف الكاذب». أو «الفاجر».

[Abū Dāwud, *Kitāb al-Libās, Bāb Mā Jā'a Fī Isbāl al-Izār*, no. hadis: 4089 dengan sanad sahih]

Maksudnya:

Daripada Abū Dhar RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Tiga golongan yang Allah SWT tidak akan berbicara dan memandang mereka pada hari kiamat, dan tidak pula menyucikan mereka, sesungguhnya bagi mereka azab yang sangat pedih.” Aku (Abū Dhar) bertanya: “Siapakah golongan tersebut wahai Rasulullah? Mereka itu golongan yang gagal dan dalam kerugian.” Baginda SAW mengulangnya 3 kali. Aku bertanya lagi: “Siapakah mereka wahai Rasulullah? Mereka itu golongan yang gagal dan dalam kerugian.” Baginda SAW pun menjawab: “Orang (lelaki) yang melakukan *isbāl* (melabuhkan pakaian bawah buku lali), orang yang suka memberi dengan mengungkit kebaikannya (riyak), dan orang munafik yang menjual barangan dengan bersumpah palsu (sehingga menyebabkan orang percaya dan membelinya) ataupun yang jahat”.

Dalam hadis yang lain:

عن ابن عمر قال: قال رسول الله ﷺ: «من جر ثوبه خيلاء لم ينظر الله إليه يوم القيامة». فقال أبو بكر: «إن أحد جانبي إزاري يسترخي، إني لأتعاهد ذلك منه». قال: «لست ممن يفعله خيلاء».

[Abū Dāwud, *Kitāb al-Libās, Bāb Mā Jā'a Fī Isbāl al-Izār*, no. hadis: 4087]

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Umar RA telah berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: “Barang siapa yang melabuhkan pakaiannya (melebihi buku lali) kerana sombong dan keangkuhan maka Allah SWT tidak akan memandangnya pada hari kiamat.” Abū Bakar RA telah berkata: “Sesungguhnya salah satu bahagian kainku labuh, dan sesungguhnya aku sentiasa menjaganya (supaya tidak labuh).” Baginda SAW telah bersabda: “Kamu bukanlah termasuk dalam golongan yang melakukannya kerana sombong”.

Jelas daripada hadis yang pertama Nabi SAW melarang seseorang lelaki itu untuk melabuhkan pakaiannya secara mutlak. Ia merangkumi semua keadaan sama ada sombong atau pun tidak. Apabila dilakukan penelitian terhadap hadis yang kedua, ternyata bahawa *isbāl* yang diharamkan oleh Nabi SAW ialah *isbal* yang diiringi dengan perasaan sombong. Ini kerana Nabi SAW menyatakan bahawa Abu Bakar tidak melabuhkan pakaiannya kerana kesombongan. Tidak dinafikan sememangnya ada ulama seperti al-Shawkānī (2004) yang mengharamkan *isbāl* secara mutlak sama ada dalam keadaan sombong atau pun tidak. Tetapi pendapat yang tepat dalam isu ini ialah pendapat yang mengatakan *isbal* yang tidak disertai dengan sifat sombong tidak menjadi haram. Ini kerana pendapat ini adalah hasil daripada penelitian terhadap keseluruhan hadis yang ada dalam topik ini. Oleh itu, Ibn Hibbān (1993) menegaskan:

"والزجر عن إسبال الإزار زجر حتم لعله معلومة وهي الخيلاء فمتى عدمت الخيلاء لم يكن بإسبال الإزار بأس".

Maksudnya:

“Dan larangan terhadap *isbāl* kain merupakan larangan yang pasti kerana sebab yang diketahui iaitu kesombongan. Maka apabila tidak ada kesombongan, *isbāl* kain tidak mengapa.”

Maka penelitian terhadap hadis yang pelbagai dalam bab yang sama akan menjadikan seseorang mengenal pasti hadis mutlak yang telah ditaqyidkan dengan sifat tertentu (al-Qaradāwī, 2002).

### 2.3 Memahami Makna Mufassar Daripada Hadis Yang Mujmal

Lafaz *mujmal* bermaksud lafaz yang menunjukkan atau yang membawa dua makna dan tiada petunjuk bahawa salah satu maknanya lebih utama daripada makna yang lain. (al-Shawkānī, 1999). Justeru, sekiranya sesuatu hadis itu mengandungi lafaz *mujmal*, maka perlu diteliti terhadap hadis yang lain atau nas-nas lain bagi menentukan maksud yang dikehendaki oleh hadis tersebut (Ibn Baṭṭāl, 2003). Antara contoh hadis lain yang mentafsirkan lafaz *al-mujmal* ialah:

#### 2.3.1 Hadis mentafsirkan makna kebaikan

Contoh hadis:

عن جابر بن سمرة قال: سمعته -يعني النبي - يقول: «إذا أعطى الله أحدكم خيرا فليبدأ بنفسه وأهل بيته».

[Muslim, *Kitāb al-Imārah, Bāb al-Nās Tabā' li Quraysh wa al-Khilāfah fī Quraysh*, no. hadis: 4815]

Maksudnya:

Daripada Jābir ibn Samurah telah berkata: “Aku telah mendengar Nabi SAW bersabda: “Sekiranya Allah SWT mengurniakan kebaikan kepada kamu, maka manfaatkanlah untuk diri kamu dahulu, dan kemudiannya ahli keluargamu”.”

Jika diteliti dalam hadis ini, lafaz kebaikan yang disebut oleh Nabi SAW adalah lafaz *mujmal* kerana kebaikan mengandungi makna yang luas. Namun, lafaz kebaikan ini dapat difahami apabila penelitian terhadap hadis lain dilakukan. Contohnya adalah seperti berikut:

عن أبي هريرة عن النبي ﷺ: «خير الصدقة ما كان عن ظهر غني وابدأ بمن تعول».

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ṣadaqah, Bāb Lā Ṣadaqah Illā 'An Zahr Ghaniyy*, no. hadis: 1360]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurayrah RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Sebaik-baik sedekah ialah suatu sedekah daripada diri yang mampu dan mulakanlah dengan orang kamu tanggung (nafkahnya).”

Dengan melihat kepada hadis kedua ini, jelas bahawa yang dimaksudkan dengan “خير” dalam hadis pertama di atas merujuk kepada harta (al-Qurṭubī, 1996).

#### 2.3.2 Hadis orang terlupa dalam solatnya

Selain itu, contoh lain bagi kaedah ini ialah hadis berikut:

عن عبد الله بن مسعود عن النبي ﷺ: «إذا شك أحدكم في الصلاة فليتحل الصواب فليتم عليه ثم ليسجد سجدة».

[al-Bukhārī, *Kitāb Abwāb al-Qiblah, Bāb al-Tawajjuh Nahw al-Qiblah Hayth Kān*, no. hadis: 392]

Maksudnya:

Daripada ‘Abdullah ibn Mas‘ūd RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Barangsiapa dalam kalangan kamu yang syak (ragu-ragu) dalam solatnya, maka ambillah yang pasti (yakin), lalu sempurnakan (solat) ke atasnya, selesaikan salam dan kemudian sujudlah sebanyak dua kali.”

Para ulama berselisih pandangan dalam menetapkan makna "التحري" dalam hadis di atas. Berikut pandangan ulama dalam mentafsirkan maksud perkataan tersebut:

- i. Ulama mazhab Hanafī menyatakan bahawa maksud lafaz tersebut ialah sangkaan yang kuat iaitu mengambil bilangan rakaat yang dirasakan paling tepat (al-Sarakhsī, 1989).
- ii. Majoriti ulama pula antaranya ialah mazhab Mālikī (al-Ābī, t.th.), Shāfi‘ī (al-Nawawi, 2005), Aḥmad (Ibn Qudāmah, 1968) dan Ibn Ḥazm (t.th.) menyatakan bahawa lafaz tersebut diperincikan dalam hadis Abū Sa‘īd al-Khudrī iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan lafaz:

«وإذا لم يدر ألقى ثلاثاً أو أربعاً فليطرح الشك وليبن على ما استيقن»

[Muslim, *Kitāb al-Masājīd, Bāb al-Sahw Fī al-Ṣolāt Wa Sujūd Lah*, no. hadis: 1300]

Maksudnya:

“Apabila dia tidak tahu berapa rakaat dalam solatnya, sama ada dia telah solat tiga ataupun empat, maka buanglah keraguan itu dengan mengambil yang pasti (iaitu yang sedikit).”

Jelas daripada contoh ini, majoriti ulama telah mentafsirkan lafaz *mujmal* dalam hadis pertama dengan hadis kedua iaitu apabila seseorang yang syak dalam solatnya sama ada dia telah bersolat 3 atau 4 rakaat, maka dia perlu mengambil yang dia yakini iaitu 3 rakaat. Maka dia perlu menambah rakaat ke-4 (al-Nawawi, 2005).

## 2.4 Mengetahui Tentang Maqāṣid Nabawi Daripada Hadis

Pentafsiran hadis dengan hadis merupakan perkara yang amat penting bagi mengetahui tentang tujuan sebenar sesuatu hukum. Berpegang hanya kepada maksud hadis secara literal akan membawa kepada kefahaman yang tidak tepat dan mendalam (Ramle et al., 2017). Contohnya adalah seperti berikut:

### 2.4.1 Hadis larangan menyimpan alatan pertanian

Terdapat hadis yang zahirnya mencela kaum yang menyimpan alatan pertanian di dalam rumah mereka. Berikut hadisnya:

عن أبي أمامة الباهلي قال ورأى سكة وشيئا من آلة الحرث، فقال: سمعت النبي ﷺ يقول: «لا يدخل هذا بيت قوم إلا أدخله الله الذل»

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Muzāra‘ah, Bāb Mā Yuḥzar Min ‘Awaqib al-Ishtighāl Bi Ālat al-Zar‘ Wa Mujāzawat al-Ḥad Allazī Umira Bih*, no. hadis: 2196]

Maksudnya:

Daripada Abū Umāmah al-Bāhilī RA, ketika beliau melihat alatan yang digunakan untuk bertani, lalu beliau berkata, aku pernah mendengar Nabi SAW bersabda: “Barang seperti ini tidak masuk ke rumah suatu kaum melainkan Allah akan memberikan kehinaan padanya.”

Secara zahirnya, hadis ini dapat difahami bahawa Nabi SAW melarang ataupun membenci perkerjaan dalam sektor pertanian kerana ia akan memberikan kehinaan kepada perlakunya dalam setiap masa (Ibn al-Damāmīnī, 2009). Namun, hadis ini bercanggah dengan hadis lain yang menyeru umat Islam untuk terlibat dalam pertanian, sepertimana sabda Nabi SAW:

«ما من مسلم يغرس غرساً أو يزرع زرعاً فيأكل منه فإير أو إنسان أو بهيمة إلا كان له به صدقة»

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Muzāra‘ah, Bāb al-Zar‘ wa al-Ghars Izā Ukila Minh*, no. hadis: 2195]

Maksudnya:

“Tidaklah seseorang muslim yang bercucuk tanam atau menanam satu tanaman lalu tanaman itu dimakan oleh burung ataupun manusia ataupun haiwan melainkan itu akan menjadi sedekah bagi dirinya.”

Jelas daripada hadis ini, Nabi SAW memberikan jaminan pahala sedekah kepada mereka yang menanam pokok atau tanaman yang memberikan manfaat kepada manusia lain atau haiwan. Ini merupakan galakan kepada kerja-kerja pertanian (al-Itiyūbī, 2015). Lalu, secara zahirnya kedua-dua hadis di atas saling bercanggahan. Namun, kefahaman sebenar bagi kedua-dua hadis ini dapat dirungkai dengan meneliti hadis berikut:

عن ابن عمر قال: سمعت رسول الله ﷺ يقول: «إذا تبايعتم بالعينة وأخذتم أذناب البقر ورضيتم بالزرع وتركتم الجهاد سلّم الله عليكم ذلاً لا ينزعه حتى ترجعوا إلى دينكم»

[Abū Dāwūd, *Kitāb al-Ijārah, Bāb Fī al-Nahy ‘An al-‘Īnah*, no. hadis: 3464 dengan sanad sahih]

Maksudnya:

Deripada Ibn ‘Umar RA telah berkata: “Aku telah mendengar daripada Rasulullah SAW bersabda: “Sekiranya kalian berjual beli secara al-‘Īnah (helah riba), dan mengikuti ternakan lembu (bagi membajak tanah), redha dengan bercucuk tanam (pertanian), dan meninggalkan jihad, maka Allah SWT akan menimpakan kehinaan ke atas kalian, dan Allah SWT tidak akan mencabutnya daripada kalian melainkan kalian kembali kepada agama kalian”.”

Menurut al-Munāwī (1937), hadis ini menerangkan tentang kehinaan daripada Allah SWT tidak akan menimpa mereka yang menyibukkan diri dengan pertanian tetapi ia akan menimpa sesiapa yang terlalu reda dengan perkerjaan tersebut dengan makna terlalu asyik dengan hal keduniaan sehingga meninggalkan jihad pada jalan Allah SWT. Justeru itu, menjadi suatu kewajipan memahami hadis yang pertama di atas dengan konteks hadis ini.

## 2.5 Mengetahui Tentang *Qarā’in* (Petunjuk) Yang Membawa Kepada Hukum Syarak

Pada kebiasaannya, hadis Nabi SAW mengandungi tuntutan perintah ataupun larangan tentang sesuatu perkara. Namun, hadis yang lain datang dengan *qarīnah* atau petunjuk tertentu yang menyebabkan berlakunya perubahan hukum-hakam terhadap sesuatu lafaz hadis pada zahirnya menunjukkan perintah (wajib) kepada *mandūb* (sunat) ataupun larangan (haram) kepada makruh (Ibn al-Mibrad, 2012). Antara contohnya ialah:

### 2.5.1 Hadis anjuran makan makanan yang telah terhidang sebelum solat

عن عائشة عن النبي ﷺ: «إذا وضع العشاء وأقيمت الصلاة فابدؤوا بالعشاء»

[al-Bukhāri, *Kitāb al-Jamā‘ah wa al-Imāmah, Bāb Izā Ḥaḍara al-Ṭo‘ām Wa Uqīmat al-Ṣolat*, no. hadis: 640]

Maksudnya:

Deripada ‘Aishah daripada Nabi SAW bersabda: “Apabila telah dihidangkan makan (malam), sedangkan solat (jamaah) telah didirikan, maka mulailah dengan makan terlebih dahulu.”

Hadis di atas menjelaskan bahawa seseorang perlu menjamah makanan terlebih dahulu daripada solat, namun perintah ini bukanlah perintah berbentuk wajib tetapi ia hanyalah sunat berdasarkan hadis yang berikut:

عن عمرو بن أمية الضمري قال: "رأيت رسول الله ﷺ يجتر من كتف شاة يأكل منها، فدعي إلى الصلاة فقام فطرح السكنى فصلى ولم يتوضأ".

[al-Bukhāri, *Kitāb al-Aṭ‘imah, Bāb Qaṭ‘ al-Laḥm Bi al-Sikkīn*, no. hadis: 5106]

Maksudnya:

*Daripada ‘Amru ibn Umayyah al-Damrī berkata: “Aku telah melihat Rasulullah SAW memotong bahu kambing yang ada pada tangan Baginda SAW dalam keadaan Baginda SAW memakannya, lalu masuklah waktu solat, maka baginda bangun lalu melepaskan pisau yang digunakan, dan menunaikan solat tanpa berwuduk semula”.*”

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW pernah mendahulukan solat dan meninggalkan makanan yang terhidang. Ini menunjukkan perintah untuk makan makanan yang terhidang sebelum solat tidak dikategorikan sebagai arahan wajib (al-Kirmānī, 1981).

## 2.6 Menghilangkan Kekeliruan Yang Terdapat Dalam Hadis

Penulis mendapati adakalanya sesuatu hadis kelihatan seolah-olah bercanggah dengan al-Quran ataupun dengan kaedah-kaedah umum dalam agama Islam. Tetapi percanggahan ini adakalanya secara zahir akan hilang apabila sesuatu hadis itu difahami dengan makna yang betul. Salah satu cara bagi menghilangkan kekeliruan ini adalah dengan meneliti hadis-hadis yang lain. Antara contoh bagi kaedah ini ialah:

### 2.6.1 Hadis larangan mencela nasab orang lain

عن أبي هريرة عن النبي ﷺ: «اثنان في الناس هما بجم كفر: الطعن في النسب والنياحة على الميت»

[Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Iṭlāq Ism al-Kufr ‘Alā al-Ṭa‘n Fī al-Nasab*, no. hadis: 236]

Maksudnya:

*Daripada Abū Hurayrah RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Dua perkara dalam kalangan manusia yang menyebabkan mereka menjadi kafir iaitu mencela nasab (keturunan) dan meratapi ke atas mayat.”*

Hadis ini secara zahirnya bercanggah dengan kaedah umum dalam agama apabila kedua-dua perbuatan di atas merupakan perbuatan dosa besar yang tidak menjadikan seseorang itu sebagai kafir dengan melakukannya. Namun ia tidak menjadikan seseorang itu kafir dengan semata-mata melakukannya (Ibn al-‘Arabī, 2007). Oleh itu, kekeliruan ini dapat diharmonikan dengan memahami konteks hadis berikut:

عن أبي مالك الأشعري عن النبي ﷺ قال: «أربع في أمي من أمر الجاهلية لا يتركوهن: الفخر في الأحساب والطعن في الأنساب والاستسقاء بالنجوم والنياحة» وقال: «النائحة إذا لم تتب قبل موتها تقام يوم القيامة وعليها سربال من قطران ودرع من جرب»

[Muslim, *Kitāb al-Janā‘iz, Bāb al-Tashdīd Fī al-Niyāḥah*, no. hadis: 934]

Maksudnya:

*Daripada Abū Mālik al-Ash‘arī RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Empat perkara jahiliah dalam kalangan umatku yang belum mereka tinggalkannya, iaitu berbangga dengan kedudukan (taraf), mencela nasab (keturunan), meminta hujan dengan bintang-bintang, dan meratapi kematian.” Baginda SAW bersabda lagi: “Orang yang meratapi mayat, sekiranya dia tidak bertaubat sebelum ajalnya tiba maka pada hari kiamat, dia akan dibangkitkan dengan memakai baju panjang diperbuat daripada minyak berwarna hitam dan kurap yang meliputi tubuhnya seperti pakaian wanita”.*”

Maka penelitian terhadap hadis kedua ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan yang terdapat dalam hadis pertama di atas tidak menjadikan seseorang itu sebagai kafir tetapi yang dimaksudkan ialah perbuatan tersebut merupakan perbuatan orang-orang kafir (al-Munāwī, 1988).

## 2.7 Mengenal pasti Kisah Yang Berbeza Dalam Hadis

Meneliti hadis yang pelbagai dalam bab yang sama akan memberi penjelasan kepada seseorang bahawa peristiwa yang hampir sama itu adalah kisah yang berbeza sebenarnya. Ini penting supaya ia tidak mengelirukan pembaca dengan menganggap ia adalah kisah yang sama (Ramle & Jamilin, 2020). Contoh yang menjelaskan hakikat ini:

### 2.7.1 Hadis perjanjian Nabi SAW bersama sahabat

عن عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَانَ شَهِدًا بَدْرًا وَهُوَ أَحَدُ الثَّمَبَاءِ لَيْلَةَ الْعَمْبِيَةِ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ، وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ مِنْ أَهْلِ حَيِّهِ: «يَا بَعْثِي عَلَى أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا، وَلَا تَسْرِفُوا، وَلَا تَزْنُوا، وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ، وَلَا تَأْتُوا بِمُهْتَانٍ تَفْتَرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ، وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ، فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ، وَمَنْ أَقَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ، وَمَنْ أَقَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَتَرَهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ، إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عَاقَبَهُ» فَبَايَعْنَاهُ عَلَى ذَلِكَ

[al-Bukhāri, *Kitāb Bad' al-Wahy, Bāb Kayf Kān Bad' al-Wahy Ilā al-Nabī*, no. hadis: 18]

Maksudnya:

Daripada 'Ubādah bin al-Sāmit RA dan beliau merupakan orang yang menyertai Badar serta salah seorang naqib pada malam al-'Aqabah: "sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda ketika di kelilingnya sekumpulan sahabatnya: "Berbaiatlah denganku supaya kamu tidak melakukan syirik kepada Allah SWT dengan sesuatu, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anakmu, tidak membawa fitnah yang kamu reka di antara tangan dan kakimu, jangan ingkari perkara makruf. Sesiapa di antara kamu yang menyempurnakannya maka pahalanya tetap pada Allah SWT, sesiapa yang melakukan salah satu daripada perkara ini dan dihukum di dunia maka ia merupakan kaffarah baginya. Sesiapa yang melakukan salah satunya kemudian Allah SWT menutupnya maka ia kembali kepada Allah SWT, jika mahu Dia boleh ampunkan dan jika mahu dia boleh hukumannya." Kata 'Ubadah: "Maka kami pun berbai'ahlah kepada Nabi atas perkara itu"."

Melihat kepada lafaz hadis ini mungkin akan ada orang yang menyangka bahawa perjanjian ini berlaku pada malam perjanjian al-'Aqabah. Ini kerana perawinya adalah salah seorang naqib dalam perjanjian al-'Aqabah. Hadis ini juga berkaitan dengan perjanjian bersama Nabi SAW (Ibn Hajar, 2004). Namun bagi mereka yang meneliti hadis ini dengan lebih mendalam akan mengetahui bahawa tidak mungkin hadis ini diucapkan pada malam al-'Aqabah. Ini kerana hadis ini menyebutkan tentang hukuman bagi kesalahan melanggar perjanjian. Sedangkan hukuman bagi zina belum disyariatkan lagi pada malam perjanjian al-'Aqabah. Maka jelas di sini bahawa perjanjian ini berlaku setelah hijrah (Ibid.). Perkara ini dikenal pasti apabila di sana terdapat hadis Ibn Ishāq dan ulama al-Maghāzī yang lain mengatakan bahawa butiran perjanjian al-'Aqabah berbeza daripada butiran yang disebutkan dalam hadis ini. Ibn Hajar (Ibid.) menegaskan bahawa hadis 'Ubādah ini berlaku selepas daripada peristiwa pembukaan kota Mekah.

## 3. Disiplin Memahami Hadis Berdasarkan Hadis Lain

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap huraian ulama terhadap hadis di dalam kitab-kitab *shurūh*, kaedah memahami hadis berdasarkan hadis lain ini perlu mematuhi disiplin tertentu. Pematuhan kepada disiplin ini penting untuk memastikan pemahaman terhadap hadis tidak menyeleweng. Berikut adalah disiplin yang mesti dipatuhi bagi kaedah ini:

### 3.1 Mengetahui Status Hadis-Hadis Dalam Sesebuah Bab

Disiplin pertama yang mesti dipatuhi bagi seseorang yang ingin memahami hadis berdasarkan hadis lain ialah dia mesti mengetahui status hadis-hadis yang dia himpulkan. Mengetahui status bagi setiap hadis yang dia ingin baca adalah langkah pertama bagi kaedah ini (al-Qaradāwī, 2002).

Disiplin ini sangat penting kerana kaedah berinteraksi dengan hadis berbeza mengikut statusnya. Jika sesebuah hadis itu palsu atau terlalu daif maka tidak ada nilainya di sisi ulama. Kewujudannya seolah-olah tidak

wujud. Namun jika sesebuah hadis itu daif ringan maka ia boleh digunakan dalam bab fadilat amal, sirah dan nasihat-nasihat umum selain daripada bab akidah dan fikah (al-Bayhaqī, 1985). Contoh berikut menjelaskan hakikat ini:

### 3.1.1 Hadis bintang *al-Thurayyā* dan penyakit

Di dalam sebuah hadis Nabi SAW menyatakan bahawa penyakit akan diangkat apabila munculnya bintang *al-Thurayyā*. Nabi SAW bersabda:

"ما لمع النجم [بأحاذ] ويقوم عاهة إلا رفعت عنهم أو خفت"

[al-Ṭahāwī, *Bāb Bayān Mushkil Mā Ruwiya ‘An Rasullillah Ṣallallah ‘Alayh Wasallam Fī Ṭulū‘ al-Najm Allazī Tartafī‘ Bitulū‘ih al-‘Aḥah Aw Takhif Ayy al-Nujūm Huwa*, no. hadis: 2286 dengan sanad *ḥasan*]

Maksudnya:

"Tidak terbit bintang (*al-Thurayyā*) pada waktu pagi dan pada sesebuah kaum ada penyakit melainkan ia akan diangkat atau berkurangan."

Jika dilihat pada zahir lafaz hadis ini, kelihatannya ia menunjukkan bahawa kemunculan bintang *al-Thurayyā* adalah petanda kepada penamatan setiap penyakit (al-Munāwī, 1937). Adakah ini bermakna semua penyakit akan diangkat setelah kemunculan bintang ini? Jawapan untuk persoalan ini perlu dilihat daripada perspektif hadis lain yang termasuk dalam bab yang sama dengan hadis ini (Ramle & Mohamad, 2020). Ibn ‘Umar RA menyatakan:

"أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: قَالَ: فَسَأَلْتُ ابْنَ عُمَرَ: مَتَى ذَلِكَ؟ قَالَ: [لِوَعِ الثُّرَيَّا]"

[Aḥmad ibn Ḥanbal, no. hadis: 5012 dengan sanad sahih]

Maksudnya:

"Sesungguhnya Nabi SAW melarang menjual buah-buahan sehingga hilangnya (musim) penyakit. Aku (‘Uthmān) bertanya Ibn ‘Umar RA: "Bilakah itu? Dia berkata: "Apabila terbitnya *al-Thurayyā*."

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan penyakit ialah penyakit yang berkaitan dengan tanaman dan buah-buahan. Namun, terdapat hadis lain yang menunjukkan penyakit ini adalah penyakit secara umum bukannya terhad kepada penyakit tanaman dan buah-buahan sahaja. ‘Abd al-Raḥmān ibn Zayd ibn Aslam berkata (Abū al-Shaykh, 1987):

كانت العرب تقول الغاسق سقوط الثريا وكانت الأسقام والطواعين تكثر عند وقوعها وترتفع عند [لوعها]

Maksudnya:

"Dahulu orang Arab mengatakan *al-Ghāsiq* ialah gugurnya bintang *al-Thurayyā* dan penyakit-penyakit dan taun banyak berlaku ketika berlakunya (bintang itu gugur) dan ia diangkat ketika bintang itu terbit."

Riwayat ini sememangnya berkaitan bab ini. Zahir daripada lafaznya menyebutkan bahawa penyakit yang akan diangkat dengan kemunculan bintang *al-Thurayyā* adalah penyakit secara umum. Sehingga sebahagian ulama menganggap semua penyakit akan diangkat selepas kemunculan bintang ini. (al-Munāwī, 1988). Tetapi pendapat yang tepat menurut majoriti ulama ialah ia hanya berkaitan dengan penyakit tanaman dan buah-buahan sahaja. Ini kerana riwayat ini tidak boleh diterima dalam bab ini. Selain daripada ia adalah riwayat *maqtū‘* pada ‘Abd al-Raḥmān ibn Zayd *mawqūf*, ia dinilai sebagai riwayat yang daif kerana ‘Abd al-Raḥmān ibn Zayd ibn Aslam adalah perawi yang daif (Ibn Ḥajar, 1986).

### 3.1.2 Hadis Nabi SAW mahu memuliakan *al-Mu‘im* ibn ‘Adiyy

Jika sesebuah hadis di dalam bab tersebut daif ringan maka ia boleh dijadikan sebagai dalil sokongan untuk memahami hadis-hadis lain di dalam bab yang sama. Ia dibenarkan dengan dua syarat (al-‘Umarī, 1994):

- i. Tidak berkaitan dengan menetapkan sesuatu perkara dalam akidah atau menetapkan hukum fikah.
- ii. Hadis daif tersebut tidak menyanggahi hadis lain yang lebih kuat daripadanya.

Contoh yang menjelaskan perkara ini ialah Nabi SAW bersabda pada kumpulan tentera perang Badar ketika berjaya menawan tawanan perang Badar:

«لَوْ كَانَ الْمُطْعَمُ بْنُ عَدِيٍّ حَيًّا، ثُمَّ كَلَّمَنِي فِي هَؤُلَاءِ النَّتَنِ لَتَرَكْتُهُمْ لَهُ»

[al-Bukhāri, *Kitāb al-Maghāzī, Bāb Shuhūd al-Malāikah Badran*, no. hadis: 3799]

Maksudnya:

“Kalaulah al-Muṭ‘im bin ‘Adiyy masih hidup, kemudian dia bercakap denganku tentang mereka yang jijik ini, pasti aku akan lepaskan mereka kepadanya.”

Jelas daripada lafaz hadis ini bahawa Baginda SAW mahu memuliakan Al-Muṭ‘im bin ‘Adiyy. Namun tidak diketahui atas sebab apakah yang menyebabkan Baginda memujinya, melainkan dengan merujuk kepada riwayat-riwayat lain dalam bab ini. al-Qastallānī (1983) menyebutkan bahawa Nabi SAW mengkhususkan al-Muṭ‘im bin ‘Adiyy dengan keistimewaan ini kerana dua faktor:

- i. Beliau telah berusaha menentang surat yang zalim yang dikemukakan oleh Quraysh yang menyuruh supaya tidak ada perjanjian antara Al-Hāshimiyah dan Al-Muṭṭalibiyah.
- ii. Beliau telah melindungi Baginda SAW apabila Baginda pulang daripada Taif selepas kematian Khadijah dan Abū Ṭālib.

Kisah penentangan terhadap surat yang zalim dan perlindungan Al-Muṭ‘im kepada Nabi SAW apabila Baginda SAW pulang daripada Taif tidak disebut melainkan di dalam kitab-kitab ahli sejarah antaranya ialah kitab *al-Maghāzī* karya al-Wāqidi (al-Wāqidi, 1989). Ia disebutkan dengan sanad terputus (Ibn Hajar, 2004). Oleh itu, dapat diketahui bahawa kedua-dua kisah ini adalah daif kerana sanadnya terputus. Maka, dengan meneliti riwayat ini dapat dirumuskan faktor Nabi SAW menghargai al-Muṭ‘im. Walaupun ia daif tetapi ulama menjadikan ia dalil sokongan kerana berkaitan sirah dan tidak berkaitan dengan akidah atau hukum fikah.

### 3.2 Mengharmonikan Hadis Lebih Utama

Apabila sesebuah hadis menyanggahi hadis lain dalam bab yang sama, maka menyelaraskan antara kesemua hadis-hadis yang sahih ini lebih utama daripada memilih salah satu daripadanya. Ini yang ditegaskan oleh ulama *Uṣūl al-Fiqh* kerana bagi mereka memilih salah satu daripadanya bermaksud menolak hadis yang lain kerana mengamalkan keseluruhan hadis sahih dalam bab itu lebih utama daripada mengamalkan sebahagian dan menolak sebahagian yang lain. Maka mereka meletakkan kaedah bagi kes ini (al-Subkī, 1991):

إعمال الكلام أولى من إهماله

Maksudnya:

“Mengamalkan kalam lebih utama daripada mengabaikannya.”

Oleh itu, ulama silam meletakkan pelbagai kaedah untuk mengharmonikan hadis-hadis yang bercanggah. Antara contohnya ialah:

#### 3.2.1 Hadis Nabi SAW nafikan jangkitan penyakit

Contoh hadis adalah seperti berikut:

«لَا عَدْوَى وَلَا لِيِبْرَةٍ، وَلَا هَامَةَ وَلَا قَفْرًا، وَفِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ»

[al-Bukhāri, *Kitāb al-Ṭibb, Bāb al-Juzām*, no. hadis: 5707]

Maksudnya:

“Tidak ada jangkitan, kepercayaan burung (membawa keburukan), kepercayaan sial, kepercayaan bulan Safar (membawa bencana), dan larilah kamu apabila melihat pesakit kusta seperti mana kamu lari apabila melihat singa.”

Jika dilihat kepada zahir hadis ini, ia seperti mengatakan bahawa tiada jangkitan penyakit. Sedangkan ia menyanggahi hadis lain yang Nabi SAW melarang masuk ke negeri yang dilanda taun. Nabi SAW bersabda:

«فَإِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ، فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ، وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا، فِرَارًا مِنْهُ»

[al-Bukhārī, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā'*, *Bāb Hadīth al-Ghār*, no. hadis: 3473]

Maksudnya:

“Apabila kamu mendengar taun berada di satu tempat maka janganlah memasukinya dan apabila ia melanda satu tempat yang kamu ada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar kerana lari daripadanya”.

Hadis ini mengajarkan umat tentang konsep kuarantin. Ia digunapakai untuk mengawal wabak sehingga ke hari ini. Namun, jika penyakit tidak berjangkit maka apa perlunya konsep kuarantin? Maka melihat kedua-dua hadis ini, ulama merumuskan bahawa sebenarnya penafian yang terdapat dalam hadis pertama tadi bukanlah penafian terhadap jangkitan penyakit secara mutlak. Tetapi ia menafikan bahawa penyakit itu berjangkit dengan sendirinya tanpa izin Allah SWT. Ini kerana orang Jahiliah percaya bahawa penyakit mempunyai kekuatan sendiri untuk menjangkiti makhluk, sedangkan kesemuanya itu dengan izin Allah SWT (al-Mubarakfūrī, 2008).

### 3.3 Mendahulukan Riwayat Yang Lebih Sahih Jika Tidak Mampu Untuk Diharmonikan

Apabila terdapat beberapa hadis dalam bab tertentu saling bercanggahan, seseorang yang ingin memahaminya perlu memilih hadis yang paling sahih jika percanggahan tersebut tidak dapat diselesaikan atau diselaraskan. Proses memilih hadis yang lebih kuat dan meninggalkan hadis selainnya dinamakan dengan *al-Tarjīh* (al-Jīzānī, 2006). Terlalu banyak *Wujūh al-Tarjīh* disebutkan di dalam kitab-kitab *Uṣūl al-Fiqh* dan *Uṣūl al-Ḥadīth* untuk memberikan panduan kepada ulama untuk memilih sebahagian hadis dan meninggalkan hadis yang menyanggahinya.

#### 3.3.1 Hadis cara cucian kawasan yang terkena air kencing

Antara contoh yang menjelaskan perkara ini ialah hadis berkaitan cara menyucikan kawasan yang terkena air kencing. Abdullah ibn Ma'qil ibn Muqarrin berkata:

«لَمَّا أُعْرِضْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ بِحَدِيثِ الْقِصَّةِ قَالَ فِيهِ: وَقَالَ يُعْنِي النَّبِيُّ ﷺ: «حُدُّوْا مَا بَالَ عَلَيْهِ مِنَ التُّرَابِ فَأَلْقُوْهُ وَأَهْرِثُوْا عَلَى مَكَانِهِ»

ماء»

[Abū Dāwud, *Kitāb al-Taḥārah*, *Bāb al-Ard Yuṣibuhā al-Bawl*, no. hadis: 381]

Maksudnya:

“Seorang badwi solat bersama Nabi SAW dengan kisah yang sama (iaitu kisah masyhur badwi kencing dalam masjid Nabi SAW) kemudian baginda iaitu Nabi SAW bersabda: “Ambillah bahagian daripada tanah yang dia kencing atasnya, buang dan curahkan air ke atas tempat itu”.

Jika diteliti, hadis ini menyatakan bahawa kawasan tanah yang terkena air kencing badwi itu perlu diambil dan dibuang daripada masjid. Kemudian air mutlak perlu dicurahkan di atas kawasan yang telah dibuang tanahnya itu. Zahir lafaz hadis ini menyanggahi hadis lain yang menyatakan bahawa cukup sekadar mencurahkan air di atas kawasan yang terkena air kencing dan tidak wajib untuk membuang tanah yang terkena najis (Ibn Qutaybah, 1972). Abū Hurayrah RA berkata:

قَامَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ، فَتَنَاوَلَهُ النَّاسُ، فَقَالَ لَهُمُ النَّبِيُّ ﷺ: «دَعُوهُ وَهَرِيفُوا عَلَيَّ بِوَلِيٍّ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ، أَوْ دُنُوبًا مِنْ مَاءٍ، فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ، وَمَ تَبْعْتُوا مُعَسِّرِينَ»

[al-Bukhari, *Kitāb al-Wuḍūʿ*, *Bāb Ṣabb al-Māʿ* ‘*Alā al-Bawl Fī al-Masjid*, no. hadis: 220]

Maksudnya:

“Seorang badwi bangun dan kencing di dalam masjid (Nabawi), manusia menangkapnya, maka Nabi SAW bersabda kepada mereka: “Biarkan dia, curahkan atas kencing satu bekas daripada air atau gayung daripada air, sesungguhnya kamu semua diutuskan sebagai pemudah dan kamu semua tidak diutuskan sebagai penyusah”.”

Hadis ini menyatakan proses pembersihan bagi kes tersebut hanya cukup dengan menuangkan air mutlak di atas kawasan yang terkena air kencing dan tidak perlu untuk membuang tanah daripada kawasan yang terkena air kencing. Maka secara zahirnya berlaku percanggahan di antara dua hadis ini (Ibn Qutaybah, 1972). Ulama silam mempunyai dua pandangan dalam menyelesaikan percanggahan ini. Berikut adalah pandangan mereka:

- i. Mazhab Ḥanafī mengatakan kedua-dua hadis ini diterima pakai. Manakala hadis yang mengarahkan untuk dibuang tanah di kawasan yang terkena air kencing itu jika tanah itu keras (al-‘Azīm Ābādī, 2004).
- ii. Majoriti ulama mengatakan hadis Abū Hurayrah lebih utama untuk diamalkan berbanding hadis ‘Abdullah ibn Ma‘qil kerana sebab berikut:
  - a. Hadis Abū Hurayrah RA lebih sahih daripada hadis ‘Abdullah ibn Ma‘qil kerana ia di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ibn Qutaybah, 1972).
  - b. Hadis Abdullah ibn Ma‘qil daif kerana ia *mursal* (al-‘Irāqī, 2008). Riwayat *mawṣūl* bagi riwayat ini tidak sahih (Ibn al-Mulaqqin, 2004).

Apabila diteliti, didapati pandangan majoriti ulama lebih tepat dalam masalah ini kerana kekuatan hujah mereka.

#### 4. Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa kaedah meneliti hadis lain di dalam bab yang sama untuk memahami sesebuah hadis adalah kaedah yang muktabar dan diiktiraf oleh ulama sepanjang zaman. Antara faedah yang dapat diperolehi daripada mengaplikasikan kaedah ini ialah dapat memahami makna lafaz yang tidak jelas, mengetahui objektif pensyariatannya sesebuah hukum di dalam hadis dan juga menghilangkan percanggahan antara hadis.

Namun, seseorang yang ingin mempraktikkan kaedah ini perlu mengetahui disiplin untuk memahami hadis berdasarkan hadis lain. Artikel ini menyenaraikan beberapa disiplin yang perlu dipatuhi oleh seseorang yang ingin menggunakan kaedah ini. Disiplin tersebut ialah mengetahui status hadis-hadis yang terdapat dalam sesuatu bab, mengharmonikan hadis-hadis yang bercanggah dalam sesebuah bab lebih utama daripada memilih salah satu daripadanya dan juga mendahulukan hadis yang paling sahih jika berlaku percanggahan yang tidak dapat diharmonikan.

#### Rujukan

- ‘Ajjāj, M. ‘A. (1980). *Al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Daud, S. A. (t.th.). *al-Sunan*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- al-‘Azīm Ābādī, M. ‘A. (2004). *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Daud*. Lubnan. Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- al-‘Irāqī, ‘A. Ḥ. (2008). *Ṭarḥ al-Tathrīb Fī Sharḥ Taqrīb*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-‘Umarī, A. Ḍ. (1994). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah*. Madinah, KSA: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Ābī, S. ‘A. (t.th.). *Al-Thamar al-Dānī*. Beirut: al-Maktabah al-Thaqafīyyah.
- al-Bukhārī, M. I. (1987). *Al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- al-Damāmīnī, M. A. (2009). *Maṣābīḥ al-Jāmi‘*. Syria: Dār al-Nawādir.



- Ibn al-‘Arabī, M. ‘A. (2007). *Al-Masālik Fī Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn al-Mibrad, Y. Ḥ. (2012). *Ghāyat al-Sūl*. Kuwait: Dār Gharrās.
- Ibn al-Mulaqqin, ‘U. ‘A. (2004). *al-Badr al-Munīr Fī Takhrīj al-Āḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī‘ah Fī al-Sharḥ al-Kabīr*. Arab Saudi, KSA: Dār al-Hijrah.
- Ibn Baṭṭāl, ‘A. K. (2008). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Rashīd.
- Ibn Ḥajar, A. ‘A. (2004). *Faṭḥ al-Bārī*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Ḥajar, A. ‘A. (1986). *Taqrīb al-Tahzīb*. Syria: Dār al-Rashīd.
- Ibn Ḥazm, A. M. (t.th.). *Al-Muḥallā bi al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥibbān. M. Ḥ. (1993). *Al-Ṣaḥīḥ*. Lubnan: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Mājah, M. Y. (t.th.). *Al-Sunan*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qudāmah, ‘A. A. (1968). *Al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- Ibn Qudāmah, ‘A. A. (2002). *Rawḍat al-Nāzir*. Beirut: Maktabah al-Rayyān.
- al-Itaybī, M. ‘A. (2015). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ al-Thajjāj*. Riyadh, KSA: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Jizānī, M. H. (2006). *Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh ‘Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Riyadh, KSA: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Karmānī, M. Y. (1981). *Al-Kawākib al-Darārī Fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Mubārakfūrī. M. ‘A. (2008). *Tuḥfat al-Aḥwazī Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmizī*. Kaherah: Dār al-Afkār.
- al-Munāwī, M. ‘A. (1937). *Fayḍ al-Qadīr*. Mesir: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- al-Munāwī, M. ‘A. (1988). *Al-Taysīr bi Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Imām al-Shāfi‘ī.
- Muslim. M. Ḥ. (t.th.). *Al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār al-Jīl.
- al-Nawawī, Y. S. (2005). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Qaraḍāwī, Y. M. (2002). *Kayfa Nata‘āmāl Ma‘a al-Sunnah al-Nabawīyyah*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- al-Qaṣṭallānī, A. M. (1983). *Irshād al-Sārī*. Mesir: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- al-Qurtubī, A. ‘U. (1996). *Al-Mufḥim*. Beirut: Dār al-Kalim al-Ṭayyib.
- Ramle, M. R. R., & Jamīlīn, A. K. J. (2020). Al-‘Awāmil Li Awhām al-Ruwah Fī Riwayāt al-Sīrah al-Nabawīyyah. (العوامل لأوهام الرواة في روايات السيرة النبوية) *Journal of Hadīth Studies*, 1 (5), 31-40. <https://doi.org/10.331.102/johs>.
- Ramle, M. R. R., Maideen, S. H. M., & Hadi, A. Z. S. (2017). Fahm al-Ḥadīth al-Sharīf Fī Ḍaw‘i al-Siyāq al-Tārīkhī wa al-Zamānī (فهم الحديث الشريف في ضوء السياق التاريخي والزمني) *Journal of Hadīth Studies*, 2 (1), 60-68. <https://doi.org/10.331.102/johs>.
- Ramle, M. R. R., & Mohamad, M. Y. M. (2020). Analysis hadith al-Ṭurayya dan kaitannya dengan Covid-19. *Al-Bayan: Journal Of al-Qur‘ān and Hadīth Studies*, 18 (2020), 178-200. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340086>.
- al-Rāzī, M. ‘A. (1997). *Al-Maḥṣūl*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- al-Sarakhsī, M. A. (1989). *al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Shawkānī, M. ‘A. (2004). *Nayl al-Awṭār*. Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah.
- al-Shawkānī, M. ‘A. (1999). *Irshād al-Fuḥūl*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- al-Subkī, ‘A. ‘A. (1991). *Al-Ashbāh wa al-Nazāir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Ṭahāwī, A. M. (1994). *Sharḥ Mushkil al-Āthār*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- al-Tirmizī, M. ‘I. (t.th.). *Al-Sunan*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Younes, W., Ramle, M. R., Nasir, M. N., Mohamed Ramli, F. Z., & Wazir, R. (2020). الأثر السلبية من إهمال المجاز: The negative effects of neglecting the metaphorical meaning in understanding the hadith. *HADIS*, 10(19), 497-510. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i19.110>.